

## Hantu Pontianak Daripada Pendekatan Agama dan Sosiobudaya di Indonesia

Yohan Kurniawan

[yohan@umk.edu.my](mailto:yohan@umk.edu.my)

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI), Universiti Malaysia  
Kelantan (UMK), Malaysia

Verani Indiarma

[ve.indiarma@gmail.com](mailto:ve.indiarma@gmail.com)

Departemen Ilmu Komunikasi, Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas  
Bengkulu, Indonesia

### ABSTRAK

Kepercayaan kepada makhluk ghaib seperti hantu dan syaitan telah lama wujud dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia, tidak terkecuali masyarakat di Indonesia. Setiap kaum di Indonesia mempunyai kepercayaan kepada hantu dan syaitan menurut budaya setempat dan agama masing-masing. Salah satu hantu yang cukup popular di Indonesia adalah hantu kuntilanak atau pontianak. Hantu kuntilanak adalah hantu wanita yang meninggal ketika melahirkan. Kajian ini merupakan kajian pustaka untuk mengenalpasti fenomena hantu pontianak berdasarkan pendekatan agama dan adat budaya seharian dalam kehidupan masyarakat di Indonesia. Berdasarkan analisis kajian pustaka yang dijalankan mendapati bahawa menurut pendekatan agama, hantu pontianak adalah jin yang menyerupai bentuk seorang wanita yang wujud dalam kepercayaan masyarakat Indonesia sejak dahulu. Menurut pendekatan sosiobudaya, masyarakat di Indonesia masih memiliki keyakinan yang kuat terhadap kewujudan hantu pontianak, yang mana keyakinan tersebut diwariskan secara turun-temurun daripada generasi terdahulu. Keyakinan kepada kewujudan hantu pontianak ini juga semakin kuat kerana pengaruh media sosial, internet dan rancangan program mistik di televisyen.

**Kata kunci:** Hantu; pontianak; agama; sosiobudaya; Indonesia

### ABSTRACT

*Beliefs in supernatural beings such as ghosts and demons have long existed in societies around the world, except the Indonesian community. Every tribe in Indonesia has a belief in ghosts and demons according to their local culture and religion. One of the most popular ghosts in Indonesia is the ghost of kuntilanak or pontianak. The kuntilanak ghosts are female ghosts who die during childbirth. This study is a literature study to identify the pontianak ghost phenomena based on the religious and cultural approaches of everyday life in Indonesian society. Based on a literature study, it was found that according to the religious approach, the pontianak ghost is a genie that resembles the figure of a woman who has been in the belief of Indonesian mythology. According to the sociocultural approach, the people of Indonesia still have a strong belief in the existence of the pontianak ghost, whose beliefs are passed down through generations. The belief in the existence of the pontianak ghost has also grown stronger*

*due to the influence of social media, the internet and the mystical programming of television.*

**Keywords:** *Ghost; Pontianak; religion; sociocultural; Indonesia*

## PENDAHULUAN

Kepercayaan kepada kewujudan hantu telah lama wujud dalam masyarakat pelbagai kaum di Nusantara, termasuk masyarakat Melayu di Malaysia dan Indonesia. Walaupun pada masa kini manusia telah berada di abad ke-21, akan tetapi kepercayaan kepada hantu dan makhluk gaib lain masih tetap wujud dan tertanam kukuh di dalam kehidupan masyarakat di Nusantara. Kepercayaan kepada kewujudan hantu ini semakin kuat kerana kebiasaan yang wujud dalam kalangan masyarakat di Nusantara sebelum ini sehingga masa kini iaitu kepercayaan animisme. Selain itu adat budaya masyarakat setempat semakin menyuburkan kepercayaan ini seperti kebiasaan memberi persembahan berupa makanan dan bunga di suatu tempat seperti pokok, batu, bangunan, kubur, atau jalan yang dipercayai ada penunggunya (hantu).

Terdapat banyak jenis hantu yang dipercayai kewujudannya oleh masyarakat Indonesia, bahkan di setiap provinsi (negeri) di Indonesia memiliki keyakinan terhadap kewujudan jenis hantu tertentu di sana sebagai contoh di provinsi Jawa memiliki kepercayaan terhadap kewujudan hantu pontianak, pocong (hantu bungkus), *Gandaruwo* (hantu raya); di provinsi Sulawesi Selatan memiliki kepercayaan kepada hantu penanggal (*kuyang*), dan sebagainya. Walaupun setiap provinsi memiliki kepercayaan kepada sosok hantu tertentu tetapi terdapat jenis hantu yang popular dan dikenali hampir disemua provinsi di Indonesia, salah satunya adalah hantu kuntilanak atau hantu pontianak.

### 2. Sejarah Hantu Pontianak

Terdapat pelbagai jenis hantu yang dipercayai kewujudannya oleh masyarakat di Indonesia, dan salah satu hantu yang paling popular adalah hantu kuntilanak. Di Malaysia, hantu Kuntilanak dikenali sebagai hantu pontianak. Terdapat kepercayaan yang menghubungkan pontianak dengan hantu langsuir. Hantu langsuir adalah sejenis pontianak betina yang menghisap darah manusia dan dipercayai sebagai manusia yang telah mati ketika melahirkan anak (Lim, 2016). Sering terjadi asal usul dan ciri-ciri yang bertindih antara hantu pontianak dan langsuir (Lim, 2016). Beberapa pandangan mengatakan bahawa langsuir berbeza daripada pontianak, langsuir memiliki penampilan yang hodoh, mata kemerahan, kuku yang tajam, rambut yang panjang, dan taring yang panjang (Lim, 2016).

Terdapat beberapa cerita berhubung sejarah kewujudan hantu pontianak, akan tetapi tiada sejarah jelas berhubung wujudnya hantu pontianak. Hantu pontianak digambarkan sebagai seorang perempuan yang dulunya meninggal ketika mengandung anaknya. Ada juga yang menyatakan bahawa ia merupakan jin wanita yang liar dan bertindak mengganggu manusia. Pontianak dipercayai wujud sebagai wanita berambut panjang, kulit pucat, mata merah dan memakai baju putih panjang. Pandangan lain mengatakan pontianak adalah penghisap darah yang dipercayai anak langsuir yang mati dalam kandungan (Lim, 2016). Pontianak memiliki minat dengan kelahiran bayi dan juga darah dari kelahiran bayi tersebut (Lim, 2016).

Terdapat sumber lain yang menceritakan kewujudan legenda hantu pontianak di Indonesia sebagai berikut (Cahaya Hidayah, 2011): Dikisahkan di suatu kerajaan di daerah pantai utara, Kalimantan Barat berlaku suatu kejadian yang sangat memalukan, dan kejadian ini dilakukan oleh salah seorang puteri dari kerabat keluarga kerajaan tersebut. Sang puteri telah hamil diluar nikah dan perbuatan tersebut merupakan aib besar bagi keluarga kerajaan yang menjunjung tinggi etika serta kehormatan. Akhirnya, disebabkan perasaan takut terhadap perbuatan yang mencemarkan nama baik istana, sang puteri pada saat itu juga dalam keadaan bimbang untuk memutuskan apa yang harus dilakukan, maka secara senyap ia pergi menuju ke arah pontianak. Tibanya di kawasan air hitam, sang puteri menyeberang ke sebuah pulau di tengah-tengah sungai Kapuas yang letaknya berdekatan dengan muara sungai. Pulau tersebut jarang didatangi oleh manusia, di sanalah ia mengasingkan diri dan hidup sebatang kara.

Selama di tempat pengasingan dan semasa mengingat masa-masa indah di istana, sang puteri sering menangis dan bersedih hati, kadangkala ia akan tertawa kuat dan berteriak-teriak kerana merasa sangat tertekan. Hidupnya sangat malang dan menderita, bahkan untuk makan sehari-hari, ia harus berupaya sendiri. Bulan demi bulan berlalu, tubuh cantiknya semakin terselindung oleh rambut panjang yang kusut dan tidak terurus. Sementara itu perutnya semakin lama semakin membesar, tetapi badannya semakin kurus. Di pulau tersebut nyamuk agas sangat banyak sekali dan menyebabkan ia sering mengalami sakit. Akhirnya, pada suatu saat disebabkan tidak mampu menanggung deritanya, sang puteri meninggal dunia kerana sakit dan hidup merana (Cahaya Hidayah, 2011).

Sang Puteri meninggal tanpa diketahui oleh sesiapa pun dan tidak dikebumikan. Disebabkan ia meninggal dalam keadaan tidak wajar, pada malam harinya, sang puteri tiba-tiba bangkit dari kematiannya dan menuju ke sebuah pokok besar berhampiran pondok rumahnya. Pokok tersebut adalah pokok paling tua di pulau tersebut dan di tengah pokok terdapat sebuah lubang yang cukup besar. Akhirnya ia tinggal dalam pokok tersebut dan melahirkan seorang anak lelaki yang diberi nama Bahar. Bahar yang dilahirkan oleh puteri tersebut sebenarnya adalah manusia walaupun hidup di alam ghaib dan tidak dapat dilihat oleh manusia biasa. Selepas peristiwa itu, hantu sang puteri seringkali dilihat oleh nelayan yang kebetulan lalu atau berhenti di pulau itu. Mereka seringkali nampak hantu sedang mendukung bayi sehingga masyarakat setempat menyebutnya Kunti Anak atau perempuan yang sedang mendukung anak. Dalam bahasa Melayu ianya disebut sebagai Puan Anak sehingga dikenali sebagai Pontianak sehingga hari ini (Cahaya Hidayah, 2011).

Tahun demi tahun berlalu sehingga Bahar membesar menjadi manusia dewasa dalam asuhan ibunya yang berwujud Ppontianak. Disebabkan ketika hidupnya, Bahar tidak mendapat didikan nilai-nilai murni kehidupan seorang manusia, Bahar telah berkembang menjadi makhluk yang sangat kejam dan tidak memiliki adab. Perilaku ini nampak semasa ia berkahwin dengan ibunya sendiri. Hal ini terjadi kerana Bahar tidak mengetahui dan tidak pernah diajarkan tentang perbuatan yang benar dan salah. Dari hasil perkahwinan dengan ibunya lahir anak baginya dan semua anaknya adalah perempuan serta memiliki bentuk dan sifat seperti ibunya atau neneknya. Setelah anak-anak pontianak ini membesar dan dewasa, Bahar akan berkahwin dengan mereka dan menghasilkan kembali bayi-bayi perempuan pontianak (Cahaya Hidayah, 2011).

Anak-anak Bahar ini seringkali menyeberang sehingga ke perkampungan penduduk dan mereka seringkali mengganggu penduduk lelaki di sana. Semakin lama jumlah keturunan pontianak ini semakin ramai dan akhirnya Bahar mendirikan sebuah kerajaan pontianak di pokok besar berlubang tersebut, dan ia telah menjalin kerjasama

dengan jin-jin Ifrifit iaitu jenis jin yang jahat dan terkuat dalam kalangan bangsa jin. Kerjasama ini bertujuan untuk meluaskan wilayah kekuasaan kerajaan pontianak. Pontianak yang dirasuki oleh jin ifrit ini memiliki kemampuan untuk terbang menyeberangi daratan dalam jarak yang jauh, tubuhnya yang berwarna putih pucat akan berubah menjadi merah membara dan memiliki Ilmu sangat tinggi (Cahaya Hidayah, 2011).

Bahar merasa kurang senang dengan kehadiran manusia di sekitar kerajaannya. Hal ini disebabkan ketika memasuki kawasan perairan sungai Kapuas, para pendatang ini akan menembak keturunannya dengan meriam dan menyebabkan para pontianak ini lari ketakutan. Sebenarnya kehadiran para pontianak ini adalah ingin mengetahui mengapa ramai manusia menggunakan kapal-kapal besar memasuki perairan di sekitar kerajaan mereka. Akhirnya Bahar memerintahkan pasukan pontianaknya untuk mengganggu manusia yang memasuki kawasannya dan mendirikan kerajaan di tepi sungai Kapuas dan memberi nama tempat tersebut sebagai Pontianak (Cahaya Hidayah, 2011). Pelbagai cara dilakukan oleh para pontianak, baik pontianak biasa mahupun pontianak yang dirasuki oleh jin ifrit untuk menghalau manusia daripada kawasan mereka, dan ianya menyebabkan ketakutan dalam kalangan masyarakat dan penduduk kerajaan pontianak.

Keadaan ini menyebabkan raja di kerajaan tersebut meminta bantuan kepada kerajaan Mempawah yang pada masa itu dipimpin oleh Opu Daeng Menambon. Raja kerajaan Pontianak sendiri memiliki hubungan kekeluargaan dengan Opu Daeng Menambon. Dengan bantuan kerajaan-kerajaan lain pada masa itu, Opu Daeng Menambon berjaya mengalahkan dan memenjarakan Bahar dengan menggunakan pagar ghaib. Menurut kepercayaan masyarakat setempat sehingga hari ini, Bahar, sang raja Pontianak tidak dapat meninggalkan pulau tersebut akibat terperangkap oleh pagar ghaib daripada Opu Daeng Menambon yang terkenal dengan kesaktiannya (Cahaya Hidayah, 2011). Walaupun demikian, tidak bermakna kekuasaan pontianak berakhir dengan ditangkapnya Bahar oleh Opu Daeng Menambon. Ia berjaya meluaskan wilayah kekuasaannya di tempat-tempat lain di seluruh permukaan bumi dengan bantuan Pontianak-Pontianaknya dan jin ifrit (Cahaya Hidayah, 2011).

Menurut kepercayaan masyarakat setempat, pontianak keturunan Bahar ini apabila kepalanya di paku menggunakan paku beliung, mereka akan berubah menjadi manusia biasa dan dapat hidup sebagai manusia bahkan dijadikan isteri oleh manusia (Cahaya Hidayah, 2011). Hal ini terjadi kerana pada dasarnya, pontianak keturunan Bahar adalah manusia biasa yang hidup di alam ghaib. Masyarakat di Pontianak juga masih mempercayai bahawa sehingga kini pusat kerajaan pontianak masih kekal ada, dengan rajanya, Bahar, yang masih terpenjara di sebuah pulau, di kawasan Kabupaten Pontianak, Kalimantan Barat (Cahaya Hidayah, 2011).

Cerita lain hubungan antara hantu pontianak dengan nama bandar Pontianak di Kalimantan berlaku ketika Syarif Abdurrahman dan rombongannya menyisir hutan agar dapat digunakan sebagai tempat pemukiman. Kumpulan itu diganggu oleh makhluk ghaib dari arah hutan yang terletak di pertemuan delta Sungai Kapuas Kecil, Sungai Kapuas Besar dan Sungai Landak. Kumpulan ini diganggu oleh bunyi dan tangisan yang mengerikan yang berasal dari tengah hutan dan dianggap berasal daripada makhluk ghaib, pontianak (Cahaya Hidayah, 2011). Ramai ahli kumpulan merasa ketakutan sehingga mengganggu pekerjaan mereka. Gangguan yang dialami kumpulan itu dirasakan oleh Syarif Abdurrahman sangat mengganggu dan menghalang kerja rombongannya. Akhirnya Syarif Abdurrahman membawa meriam ke dalam hutan dan menembakkan meriam tersebut kepada sumber bunyi dalam hutan. Suara-suara

yang menakutkan ini secara beransur-ansur mulai menghilang sehingga kerja-kerja di sana dapat diselesaikan oleh kumpulan tersebut (Cahaya Hidayah, 2011). Walau bagaimanapun, terdapat pendapat yang mengatakan bahawa bunyi yang mengerikan itu berasal daripada kumpulan lanun yang bersembunyi di dalam hutan, yang mana kawasan tersebut masih tertutup oleh hutan tebal sehingga mereka merasa selamat di sana sehingga tidak diketahui oleh sesiapaupun.

Terdapat beberapa pendapat dan pandangan berkaitan nama pontianak, salah satunya, mengatakan bahawa pontianak bererti buaian anak (Cahaya Hidayah, 2011). Nama bandar Pontianak berasal daripada kata ayunan kanak-kanak di sekitar Masjid Jami' yang biasa digunakan oleh kanak-kanak di sana untuk bermain (Cahaya Hidayah, 2011). Cerita lain mengatakan bahawa pontianak bermakna pokok ponti atau pokok ponti. Pokok ponti bermaksud pokok yang tinggi, dan pada masa itu, Pulau Kalimantan dikenali sebagai kepulauan yang mempunyai pokok besar, yang mana penyebutan pohon ponti tersebut terbukti dalam isi surat antara Hussein bin Abdul Rahman Al-Aidrus dengan Syarif Yusuf Al-Kadrie (Cahaya Hidayah, 2011).

Perkataan pontianak juga berasal daripada perkataan pontian yang bermakna persinggahan. Hal ini berhubungan dengan kedudukan strategik bandar Pontianak, yang mana ramai pelayar atau pedagang membuat kawasan tersebut sebagai perhentian sementara (Cahaya Hidayah, 2011).

Selain itu, nama pontianak juga berhubungan dengan perkataan Kun Tian. Kun Tian adalah pengucapan mandarin yang bermaksud "tempat rehat". Cara pengucapan masyarakat Cina biasanya memberikan sebutan tambahan pada akhir ayat tetapi tidak mengurangi atau menambahkan makna perkataan tersebut, contohnya: wang (nga), kereta (aa), dan dalam pengucapan perkataan Kun Tian menjadi Kun Tian (na) (Cahaya Hidayah, 2011). Kebanyakan orang tua Cina di Pontianak pada masa kini masih menggunakan Kun Tian untuk merujuk kepada bandar Pontianak.

Perkataan pontianak juga merujuk kepada makna pintu kanak-kanak. Pintu kanak-kanak yang dimaksudkan adalah laluan dua sungai di sana iaitu Sungai Kapuas dan Sungai Landak, yang mana lokasi permukiman pertama di kawasan Pontianak berada di delta Sungai Besar Kapuas, Sungai Kapuas Kecil dan Sungai Landak (Cahaya Hidayah, 2011).

Mengikut penjelasan di atas, nama pontianak sendiri tidak dapat dipastikan kalau ianya merujuk kepada nama atau berhubungan dengan kewujudan hantu tertentu, kerana terdapat beberapa pandangan dan pendapat sehubungan dengan nama tersebut tidak semuanya merujuk kepada kewujudan suatu hantu (hantu Pontianak).

Walaupun demikian, nama pontianak telah “melekat” dengan nama hantu pontianak sehingga kini. Kewujudan hantu pontianak ini seringkali dikuatkan oleh penjelasan daripada pakar paranormal atau mereka yang memiliki kemampuan indera ke enam, yang mana kemampuan ini membolehkannya untuk melihat dan berinteraksi dengan makhluk metafizik tersebut. Sara Wijayanto, seorang paranormal ternama daripada Indonesia mendefinisikan ciri-ciri Pontianak adalah sebagai berikut (Andry, 2017):

1. Pontianak adalah makhluk halus yang suka mengganggu manusia, khususnya kaum lelaki.
2. Pontianak adalah makhluk halus dengan gejala *borderline personality disorder* kerana mereka dapat tertawa bahagia kerana merasa sebagai makhluk tercantik di dunia ghaib, tetapi secara tiba-tiba dalam kiraan saat mereka dapat menangis sangat kuat kerana mengenangkan penderitaan dan perbuatan semasa hidupnya. Mereka

- juga memiliki perasaan dendam kepada orang-orang yang menyebabkan kematiannya.
3. Pontianak senang tinggal di suatu tempat tertentu seperti pokok besar, rumah kosong dan menunggu orang yang lalu tempat tersebut untuk diganggunya.
  4. Berdasarkan mitos dalam masyarakat, hantu pontianak adalah hantu wanita yang meninggal semasa melahirkan anak. Akan tetapi tidak semua hantu Pontianak adalah berasal daripada wanita yang meninggal semasa mengandung atau beranak, terdapat hantu pontianak yang berasal daripada wanita yang meninggal kerana membunuh diri.
  5. Pontianak adalah makhluk ghaib yang paling sering berinteraksi dengan manusia dibandingkan makhluk ghaib lain.

Berdasarkan kepercayaan dalam masyarakat di Indonesia, kehadiran hantu Pontianak ditandai dengan bau bunga Melati yang kuat (Andry, 2017). Oleh kerana itu masyarakat di Indonesia, khususnya masyarakat di Jawa yang masih memiliki kepercayaan sangat kuat kepada hal-hal ghaib, akan meyakini kehadiran hantu pontianak ketika mereka mencium bau bunga Melati yang kuat sedangkan disekitar tempat tersebut tidak terdapat pokok Melati (Andry, 2017).

#### **AGAMA, KEPERCAYAAN DAN KEWUJUDAN HANTU**

Kepercayaan kepada kewujudan hantu dan syaitan dapat ditemui hampir di seluruh agama yang ada di dunia ini. Masing-masing agama dan kepercayaan memiliki konsep tentang hantu atau syaitan walaupun dalam bentuk yang berbeza-beza.

Kepercayaan berkaitan dengan hantu, tidak terlepas dengan kepercayaan dan keyakinan masa lalu masyarakat di Indonesia iaitu animisme dan dinamisme (Sri, 2019). Para ahli antropologi bersepakat bahawa definisi animisme menurut etimologi berasal daripada *animaus* atau *anima* dalam bahasa Latin yang bermaksud jiwa, roh atau kehidupan (Edward dalam Mohd Khairulnazrin, Muhammad Syafee, & Ishak, 2016). Menurut terminologinya pula, animisme adalah kepercayaan bahawa setiap sesuatu yang wujud di muka bumi ini seperti batu, kayu, angin dan lain-lain mempunyai jiwa atau roh (Kamus dewan, 2005 dalam Mohd Khairulnazrin, Muhammad Syafee, & Ishak, 2016).


Menurut Tylor, animisme secara umumnya merujuk kepada suatu doktrin tentang ruh dan semangat (Tylor dalam Mohd Khairulnazrin, Muhammad Syafee, & Ishak, 2016). Animisme juga merujuk kepada kepercayaan tentang makhluk-makhluk berjiwa yang meliputi dua bentuk, iaitu kepercayaan bahawa manusia mempunyai jiwa yang kekal walaupun setelah kematiannya dan kepercayaan bahawa jiwa juga ada pada makhluk-makhluk lain (Mariasusai, 2011 dalam Mohd Khairulnazrin, Muhammad Syafee, & Ishak, 2016).

Kewujudan jin dan syaitan juga disebutkan dengan jelas dalam Al-Qur'an. Al-Qur'an menjelaskan hubungan antara penciptaan dan kewujudan jin dalam Surah Al-Jinn, yang menceritakan secara khas tentang jin. Jin adalah penghuni pertama bumi, dan mereka telah hidup berbilion tahun sebelum kehadiran manusia pertama, Nabi Adam a.s, dan kehidupan mereka dipenuhi dengan pergaduhan, pertelagahan dan peperangan (Ansaruddin & Zuryati Isa, 2014).

Dalam Surah Ar-Rahman:15 disebutkan bahawa: *"Dan Ia telah menciptakan jin dari*

lidah api yang menjulang-julang”. Surah Al-Hijr: 27 mengatakan: “Dan jin pula, Kami jadikan dia sebelum itu, dari angina api yang panasnya menyerap ke liang bulu roma.”. Surah Al-A’raaf:12 menjelaskan “Allah berfirman: Apakah penghalangnya yang menyekatmu daripada sujud ketika Aku perintahmu? ”Iblis menjawab:” Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (wahai Tuhan) jadikan daku dari api sedang dia, Engkau jadikan dari tanah.” Berdasarkan penjelasan daripada Quran dapat disimpulkan bahawa kewujudan jin adalah nyata dan ianya bukan satu mitos. Mempercayai perkara-perkara ghaib merupakan salah satu daripada tuntutan akidah (Shahrhan, 2015). Surah Al-Baqarah:1-3 menjelaskan: “Alif, Laam, Miim. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa; Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.” Semua Muslim wajib beriman dan meyakini tanpa ragu-ragu sedikitpun kepada perkara-perkara ghaib ciptaan Allah termasuk jin (Sharhan, 2015).

Berdasarkan pendekatan Islam, hantu pontianak adalah kewujudan atau manifestasi daripada jin. Berdasarkan penciptaannya, jin adalah berasal daripada gas sehingga mereka mudah mengubah bentuk menjadi apapun yang mereka kehendaki. Allah tidak menciptakan hantu pontianak, konsep tentang wujud hantu pontianak adalah berasal daripada imaginasi dan ketakutan masyarakat, dan jin telah mengambil serta mewujudkan konsep yang menakutkan tentang hantu pontianak tersebut. Jadi menurut kepercayaan agama Islam, hantu Pontianak adalah jin yang mewujudkan diri mereka mengikut konsep sesuatu yang menakutkan dan telah lama tertanam dalam minda serta diwariskan daripada generasi ke generasi masyarakat Indonesia. Konsep kewujudan hantu pontianak oleh jin adalah sebagai berikut:



RAJAH 1. Konsep manifestasi jin dalam kewujudan hantu Pontianak

## MITOS DAN SOSIOBUDAYA MASYARAKAT INDONESIA

Kepercayaan kepada hantu pontianak dalam suatu masyarakat biasanya berbentuk mitos yang dipegang turun temurun. Mitos biasanya wujud dalam sebuah masyarakat. Pola fikir berhubung mitos seringkali dipengaruhi oleh kefahaman yang mereka

percaya. Mitos adalah cerita berbentuk simbolik yang mengisahkan serangkaian peristiwa nyata atau imajinasi berhubung asal usul dan perubahan alam semesta serta dunia, dewa dewi, makhluk ghaib, kekuatan-kekuatan tertentu, pahlawan, dan masyarakat (Suwardi, 2012).

Menurut Mochtar Lubis (2001) masyarakat Indonesia adalah masyarakat yang masih percaya kepada takhyul. Mereka mempercayai bahawa batu, gunung, pantai, sungai, danau, karang, pokok, patung, bangunan, keris, pedang dan sebagainya mempunyai kekuatan ghaib, dan manusia harus memiliki hubungan khas dengan kekuatan-kekuatan ghaib tersebut (Mochtar, 2001). Masyarakat Indonesia adalah salah satu kumpulan yang memiliki kepercayaan yang sangat kuat kepada pelbagai bentuk hantu seperti pontianak, *Genderuwo* (hantu raya), *jurig*, *leak*, *wewe gombel*, *sundel bolong*, *pocong*, dan sebagainya (Mochtar, 2001). Bahkan di zaman moden ini, mereka masih mempercayai hal-hal ghaib yang tidak dapat dijelaskan oleh akal manusia. Jenis hantu di Indonesia juga telah mengalami transformasi bentuk pada masa ini, yang mana pada masa dahulu beberapa hantu yang popular dalam kalangan masyarakat di Indonesia seperti pontianak, pocong, *genderuwo*, *wewe gombel*, *sundel bolong* telah mengalami perubahan bentuk atau wujud menjadi lebih moden dan disesuaikan dengan penampilan dan kehidupan masyarakat pada masa kini. Selain itu kehadiran filem seram dengan konsep cerita baharu di Indonesia telah menimbulkan imaginasi dan “ketakutan baharu” kepada hantu dalam kalangan masyarakat di Indonesia, contohnya hantu *suster ngesot*, gaya baharu kerasukan hantu, siri pembunuhan yang dilakukan oleh hantu, dan sebagainya.

Salah satu masyarakat di Indonesia yang memiliki kepercayaan dan memegang kuat kepercayaan yang berhubungan dengan mitos dan budaya adalah masyarakat Jawa. Mitos yang berkembang dalam kalangan masyarakat Jawa memiliki hubungan yang rapat dengan keyakinan dan kepercayaan mereka (Suwardi, 2012). Hal ini disebabkan oleh faham *Kejawen* yang mereka ikuti dan yakini sejak dahulu (Suwardi, 2012). Ciri-ciri mitos yang berkembang dalam kalangan masyarakat Jawa adalah (Suwardi, 2012):

1. Mitos yang memiliki sifat suci
2. Mitos yang wujud tidak ditemui dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Jawa.
3. Mitos yang ada berhubungan dengan kejadian-kejadian penting.
4. Kebenaran mitos adalah tidak penting bagi mereka kerana mitos tidak dihadkan oleh kehidupan

Mitos merupakan warisan berbentuk cerita tertentu daripada tradisi lisan yang menceritakan tentang dewa-dewi, kekuatan-kekuatan mistis, kehidupan manusia, haiwan dan sebagainya dalam suatu pola fikir logik yang terkandung dalam mitos tersebut dan selalunya diintegrasikan dengan kehidupan seharian masyarakat Jawa (Suwardi, 2012). Mitos berbentuk cerita dongeng, legenda biasanya memiliki tahap legitimasi yang kuat dalam fikiran masyarakat Jawa seperti cerita kejadian hantu pontianak, *sundel bolong*, *genderuwo* dan sebagainya (Suwardi, 2012). Mitos-mitos tersebut mempengaruhi jiwa dan kehidupan harian masyarakat Jawa (Suwardi, 2012). Mitos seringkali diyakini kerana telah lama wujud dalam pemikiran masyarakat Jawa, dan biasanya berwujud caritas mistik yang dapat mempengaruhi dunia batin orang Jawa (Suwardi, 2012). Contohnya seperti cerita tentang Semar, Ratu Laut Selatan, Dewi Sri, dan sebagainya. Mitos ini seringkali dikaitkan dengan kejadian dan kewujudan makhluk mistik seperti hantu atau *demit* dalam bahasa Jawa seperti kemunculan hantu Pontianak selepas ada wanita yang meninggal semasa beranak, mayat yang tidak dibuka tali kain pembungkusnya akan menjadi hantu bungkus, dan sebagainya.



## HANTU PONTIANAK DALAM SOSIOBUDAYA INDONESIA

Beberapa pengalaman daripada individu yang mengaku pernah melihat atau berjumpa dengan hantu pontianak tidak dapat dinafikan. Daripada perspektif agama, hantu pontianak adalah wujud dan ianya merupakan penjelmaan daripada jin. Oleh sebab itu, hantu pontianak yang sebenarnya adalah jin yang mewujudkan diri mereka berdasarkan mitos dan kepercayaan yang telah lama wujud dan berkembang dalam kehidupan masyarakat di Indonesia.

Kewujudan hantu pontianak ini disebabkan juga oleh kepercayaan masyarakat Indonesia yang bersifat animisme dan dinamisme. Animisme adalah kepercayaan bahawa ruh atau semangat mendiami semua benda di muka bumi ini seperti pokok, gunung, telaga, tasik, hutan, dan sebagainya (Sri, 2019). Dinamisme adalah kepercayaan bahawa setiap benda atau makhluk memiliki kekuatan yang dapat mempengaruhi kehidupan manusia (Sri, 2019). Selain kepercayaan animisme dan dinamisme juga terdapat kepercayaan politeisme dalam kalangan masyarakat di Indonesia iaitu kepercayaan kepada dewa dan makhluk halus penunggu suatu tempat yang dianggap suci atau keras (Sri, 2019). Tujuan pemujaan kepada dewa dan makhluk halus dalam kepercayaan politeisme ini adalah menjauhkan kemarahan mereka kepada masyarakat setempat (Sri, 2019). Kepercayaan animisme, dinamisme dan politeisme ini masih wujud sehingga kini dan mempengaruhi kehidupan harian masyarakat Indonesia, khususnya masyarakat di tanah Jawa. Oleh kerana itu, kepercayaan kepada kewujudan hantu Pontianak dalam masyarakat di Indonesia masih kuat, dan ianya disebarluaskan melalui penceritaan dari mulut ke mulut dan melalui tontonan di panggung wayang (pawagam). Hal ini menyebabkan masyarakat di Indonesia masih meyakini kewujudan hantu pontianak, walaupun tidak semua orang dapat melihatnya dan kewujudan hantu pontianak ini tidak didasarkan kepada bukti empiris dan ilmiah.

Kepercayaan kepada kewujudan hantu pontianak semakin kuat di masa kini kerana peranan televisyen, filem, media internet dan media sosial. Pelbagai acara *reality show* dunia mistik banyak ditemui dalam program-program televisyen dan *youtube* di internet. Hal ini semakin menarik perhatian dan keyakinan masyarakat kepada kewujudan hantu pontianak.

Sosio budaya dan adat budaya masyarakat di Indonesia pada masa kini masih sangat kuat menyokong kepercayaan kepada kewujudan hantu pontianak, oleh kerana itu hantu pontianak akan selalu “hadir dan hidup” dalam kehidupan masyarakat moden di Indonesia. Semua golongan masyarakat di Indonesia dapat menerima kepercayaan berkaitan kewujudan hantu pontianak ini, salah satu contoh adalah kecenderungan masyarakat untuk menghubungkan suatu kemalangan jalan dengan gangguan kehadiran hantu pontianak.

Beberapa pandangan berpendapat bahawa wujudnya kepercayaan kepada hantu pontianak disebabkan oleh ketidakpuasan masyarakat semasa dahulu dengan kehidupan mereka. Cerita hantu pontianak sengaja dihadirkan dalam masyarakat Indonesia yang memiliki kepercayaan kuat kepada hal-hal ghaib merupakan refleksi dan kritik sosial kehidupan yang susah pada masa tersebut khususnya untuk kaum wanita seperti ramai perempuan meninggal semasa beranak, hal ini disebabkan kerana nutrisi yang sangat buruk dan ketidakmampuan mereka untuk bersalin di rumah sakit. Ramai kes rogol yang melibatkan wanita sebagai mangsanya dan tiada proses undang-undang atau keadilan untuk mereka sehingga ramai lahir kanak-kanak tanpa bapa dan wanita mangsa kes rogol yang bunuh diri kerana tidak sanggup menahan malu. Hal ini disokong oleh kepercayaan yang berkembang dalam masyarakat di Indonesia sejak

dahulu yang mempercayai bahawa hantu pontianak (adalah hantu yang berasal daripada perempuan hamil yang meninggal semasa melahirkan dan bayinya tidak sempat dilahirkan (Cahaya Hidayah, 2011). Nama kuntilanak atau pPontianak berasal daripada gabungan kata “kunti” atau “bunting” (hamil) dan “anak” (Cahaya Hidayah, 2011).

Kepercayaan terhadap kewujudan hantu pontianak masih sangat kuat dalam kalangan masyarakat di Indonesia, walaupun ianya tidak dapat dibuktikan secara saintifik dan hanya dialami oleh beberapa orang atau sekumpulan orang, tetapi pengalaman subjektif tersebut dapat diterima oleh masyarakat.

### KESIMPULAN

Kepercayaan kepada hantu pontianak masih wujud dan kuat dalam masyarakat Indonesia moden masa kini. Hal ini tidak terlepas daripada sosiobudaya masyarakat Indonesia yang masih kuat memegang kepercayaan kepada adat budaya setempat, yang mana adat budaya tersebut masih kuat dipengaruhi oleh kepercayaan animisme dan dinamisme. Di sisi lain, kepercayaan kepada kewujudan hantu pontianak juga semakin diperkuat oleh kehadiran media sosial, internet dan rancangan mistik di televisyen.

### RUJUKAN

- Andry Trysandy Mahany. (2017). *Punca indera keenam, begini ciri-ciri kuntilanak menurut istri demian*. Dibuka pada: 3 November 2018, daripada: <https://www.brilio.net/serem/punya-indera-keenam-begini-ciri-ciri-kuntilanak-menurut-istri-demian-170610k.html>
- Ansaruddin Agus & Zuryati Isa. (2014). *Membongkat misteri alam jin*. Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing.
- Cahaya Hidayah. (2011). *Sejarah hantu kuntilanak*. Dibuka pada: 9 November 2019, diunduh dari: <http://nuurislami.blogspot.com/2011/01/sejarah-hantu-kuntilanak.html>
- Danny Lim. (2016). *Kitab pengetahuan hantu Malaysia*. Selangor: DuBook Press Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 62 dalam Mohd Khairulnazrin, Muhammad Syafee, & Ishak, 2016)
- Mariasusai Dhavamony, *Phenomenology of religion: Fenomenologi agama*, terj. G. Ari Nugrahamta et al. (Yogyakarta: Penerbit Kanisius, cet-11, 2011), 66 dalam Mohd Khairulnazrin, Muhammad Syafee, & Ishak, 2016
- Mochtar Lubis. (2001). *Manusia Indonesia*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia
- Andara Primadia. *Sejarah kota pontianak – perkembangan dan asal usul nama* (Lengkap). Dibuka pada: 3 November 2018, diunduh dari: <http://sejarahlengkap.com/indonesia/sejarah-kota-Pontianak>

Sharhan Shafie. (2015). *Perubatan Islam menangkis kejahatan makhluk halus*. Machang: Al ruqyah Thobibi.

Sri Wintala Achmad. (2019). *Sejarah agama jawa. menyusuri kejawen sebagai subkultural agama jawa*. Yogyakarta: Araska.

Suwardi Endraswara. (2012). *Falsafah hidup Jawa*. Yogyakarta: Cakrawala.

Tylor, E. B. (2016). *Primitive culture researches into development of mythology, philosophy, religion, art and custom* (London: John Murrey, 1871), 1:391 dalam Mohd Khairulnazrin, Muhammad Syafee, & Ishak, 2016)